

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH
(BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 49

SOALAN

YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor) minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang bertujuan memberi definisi kepada sifat perkauman (*racism*) dan kebencian perkauman (*racial hatred*) dan bertujuan membanteras kegiatan-kegiatan tersebut memandangkan kejadian-kejadian baru-baru ini yang berbau perkauman seperti insiden di Plaza Low Yat.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di Pertua,

Buat masa ini, sesuatu perbuatan jenayah yang menyentuh isu perkauman di Malaysia boleh terjumlah kepada suatu kesalahan yang diperuntukkan di bawah beberapa undang-undang seperti yang berikut:

- (a) subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] iaitu kesalahan menghasut;
- (b) seksyen 504 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- (c) seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
- (d) seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah;
- (e) seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 [*Akta 5*] iaitu kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan; dan

(f) seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

2. Kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan Akta Rasisme bagi menangani isu-isu rasisme yang semakin meruncing di negara ini kerana setakat ini undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi bagi menangani isu-isu perkauman yang ditimbulkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

3. Di samping itu juga, Kerajaan sedang meneliti untuk menggubal Akta Keharmonian Nasional (AKN) di mana antara aspek dan prinsip yang sedang dikaji untuk dimasukkan di dalam Akta tersebut adalah berkaitan dengan isu-isu perkauman. Oleh itu, tiada keperluan pada peringkat ini untuk mewujudkan Akta Rasisme kerana isu-isu perkauman tersebut turut di ambil kira di dalam penggubalan AKN.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 [SELASA]

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]**

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kuota Haji
yang diberikan untuk negeri Sabah

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan kuota khusus kepada mana-mana negeri kerana **TH** telah mengamalkan sistem pendaftaran haji terbuka berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu didahulukan sejak dari 1995.

Sehubungan itu, pemilihan bakal haji untuk menunaikan fardhu haji setiap tahun adalah berdasarkan tarikh dan masa mendaftar haji mereka dibuat. Tawaran untuk ke Tanah Suci akan dibuat dalam tahun semasa.

Jumlah jemaah haji negeri Sabah yang telah menunaikan fardhu haji untuk tempoh 3 tahun adalah seperti berikut :-

- Tahun 2013 (1434 Hijrah) seramai 649 orang.
- Tahun 2014 (1435 Hijrah) seramai 621 orang.
- Tahun 2015 (1436 Hijrah) seramai 752 orang.

Tabung Haji telah berusaha mempromosikan pendaftaran haji di kalangan pendeposit di Sabah melalui promosi setempat dan hebahan-hebahan melalui media dan radio setempat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (51)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]

SOALAN :-

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan samada Kementerian mempunyai dasar terhadap tempat pelupusan sampah bagi kawasan-kawasan PBT (*councils*) seperti di pekan-pekan kecil Sarawak. Apakah langkah-langkah Kerajaan terhadap masalah membuang/pelupusan sampah yang amat serious terutama di kawasan luar bandar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] tidak meliputi negeri Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, tanggungjawab bagi merancang dan mengurus sistem pengurusan sisa pepejal di negeri Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan.

Dasar Pengurusan Sisa Pepejal 2005 telah menetapkan bahawa pengurusan sisa pepejal di negara ini termasuk pelupusan sisa pepejal perlu dilaksanakan secara bersepadu dan kos efektif dengan penggunaan teknologi yang telah terbukti, mampu bayar dan mesra alam. Oleh itu, memandangkan kos pembinaan dan pengoperasian tapak pelupusan sanitari dan teknologi rawatan adalah tinggi, maka PBT-PBT kecil di negeri Sarawak disarankan untuk membangunkan tapak pelupusan sanitari secara bersama dan berkongsi pusat rawatan sisa pepejal. Untuk itu, PBT-

PBT berkaitan perlu berbincang secara bersama untuk menentukan lokasi, saiz dan perkongsian kos pembinaan fasiliti-fasiliti tersebut. Dengan cara ini, kos pembinaan dan operasi tapak pelupusan yang perlu ditanggung oleh setiap PBT dapat dikurangkan. Selain itu, ianya juga dapat mengurangkan jumlah tapak pelupusan di negeri Sarawak yang seterusnya akan memudahkan proses pemantauan dan mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar.